

NO. SOALAN: 194

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK JUSLIE BIN AJIROL

RUJUKAN : 9741

SOALAN :

Datuk Juslie Bin Ajirol [Libaran] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah kaunter bergerak Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) bagi seluruh negara, terutama di Sabah dan Parlimen Libaran.

JAWAPAN:

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dari tahun 2012 hingga 2016, Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) telah mengadakan sebanyak 6,480 program turun padang melalui perkhidmatan kaunter bergerak atau *Bus Mobile* di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 481 program telah berjaya dilaksanakan di negeri Sabah melibatkan 5 program khususnya bagi Parlimen Libaran.

SOALAN (195)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : YB TUAN CHARLES ANTHONY A/L SANTIAGO
[KLANG]**

SOALAN :

YB TUAN CHARLES ANTHONY A/L SANTIAGO [KLANG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan statistik rakyat Malaysia yang terkandung dalam kumpulan “B40” mengikut pecahan negeri, kaum serta jantina bagi setiap tahun 2012 hingga 2016.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah (HIS) adalah merupakan penyiasatan berkala yang dilaksanakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia dengan kekerapan dua kali bagi setiap lima tahun. Tujuan utama penyiasatan ini adalah untuk mengumpul maklumat pola taburan pendapatan isi rumah dan juga untuk mengenal pasti golongan isi rumah miskin. HIS merupakan penyiasatan secara sampel yang meliputi negeri dan kawasan bandar dan luar bandar. Penemuan penyiasatan yang terkini adalah pada tahun 2014. Manakala penyiasatan yang terkini sedang dijalankan adalah pada tahun 2016/2017.

Kategori isi rumah Malaysia yang dikelaskan sebagai kumpulan isi rumah terendah 40 peratus (*Bottom 40, B40*), pertengahan 40 peratus (*Middle 40, M40*) dan tertinggi 20 peratus (*Top 20, T20*) adalah berasaskan kepada pendekatan perangkaan (*statistical approach*). Penggunaan kategori kumpulan isi rumah tersebut akan kekal selama mana ia diguna pakai oleh Kerajaan dan nilai julat pendapatan bagi

ketiga-tiga kumpulan tersebut akan berubah mengikut trend pendapatan isi rumah Malaysia.

Berdasarkan kepada penemuan HIS 2012 dan 2014, julat pendapatan isi rumah B40 telah meningkat daripada RM3,050 kepada RM3,860.

Penemuan HIS 2014 mencatatkan terdapat 2.67 juta isi rumah daripada 6.67 juta isi rumah berada di kelompok pendapatan B40 (pendapatan isi rumah kurang RM3,860). Manakala mengikut peratusan etnik pula, isi rumah B40 yang tertinggi adalah dikalangan etnik Bumiputera (73.6%).

Sekian, terima kasih.

Mac 2017